

Institusi Sosial Melayu dalam Novel *Luka Nering*

Noor Fatin Alia' Md Khalid¹ dan Halis Azhan Mohd. Hanafiah^{1*}

¹Universiti Putra Malaysia.

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji institusi sosial Melayu dalam novel Luka Nering (2014) karya Malim Ghazali PK. Institusi sosial merujuk kepada organisasi yang membolehkan ahli-ahli masyarakat dikelompokkan, mengguna pakai peraturan-peraturan yang standard dan berpotensi untuk berkembang. Institusi sosial yang paling kecil ialah keluarga dan institusi sosial yang paling besar ialah negara. Kajian ini memfokuskan kepada tiga institusi sosial yang lazim ditemukan dalam dunia Melayu iaitu keluarga, masyarakat setempat dan negara. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan hubungan antara unsur-unsur dunia Melayu dengan dinamika institusi sosial dalam novel Luka Nering. Oleh itu, kajian ini menerapkan teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989) sebagai kerangka kajian. Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi dua iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah terdiri daripada Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat. Pengkaedahan Keagamaan pula terdiri daripada Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Kajian ini mendapati bahawa institusi sosial Melayu dalam novel Luka Nering diperagakan kepada dua tahap iaitu keluarga dan masyarakat setempat.

Kata Kunci: Institusi Sosial, Melayu, Novel.

ABSTRACT

This research is conducted to study the Malay social institutions in the novel Luka Nering (2014) by Malim Ghazali PK. 'Social institutions' is referred as an organization which allows members of the community to be gathered, make use the standard regulations and may have the potential to develop. The smallest social institutions is a family and the largest social institutions is a nation. This study focuses on three social institutions which are frequently found in Malay societies, namely, family, local community and nation. Therefore, this study discusses the relationship between the elements of the Malay world and the dynamics of social institutions in the novel Luka Nering. This study scrutinizes theory of Malay Methodology by Hashim Awang (1989) as a framework. The Malay Methodology consists of two features, namely, Natural Methodology and Religious Methodology. Natural Methodology consists of Utilitarian Approach, Moral Approach and Interpretative Approach. Then, Religious Methodology consists of Preaching Approach, Societal Approach and Artistic Approach. The study found that the social institutions of Malay in novel Luka Nering can be categorized into two different levels, namely, the family and the local community.

Keywords: Social Institution, Malay, The Novel.

PENGENALAN

Hikayat Abdullah karya Abdullah Munshi menjadi karya prosa moden pertama membincangkan kepelbagaian institusi sosial yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu (Siti Aisah Murad, 1996: 15). Selain *Hikayat Abdullah*, novel-novel Melayu yang terawal juga menyisipkan kepelbagaian kehidupan masyarakat Melayu pada zaman-zaman berkenaan, seperti yang

*Koresponden: halis_azhan@upm.edu.my

diceritakan terdapat dalam *Hikayat Faridah Hanum* dan *Iakah Salmah?* (Yahaya Ismail, 1976: 20). Seterusnya, dalam era kesusasteraan Melayu moden yang muncul sekitar tahun awal 1950, penulis-penulis ASAS 50 didapati banyak menimbulkan rencah kehidupan sosial masyarakat Melayu pada zamannya (Yahaya Ismail, 1985: 80). Oleh demikian, ini bermakna institusi sosial memang dibincangkan secara tidak langsung dalam novel-novel Melayu.

Pengamatan awal mendapati bahawa aspek “Melayu” telah dibincangkan dalam kajian-kajian terdahulu berdasarkan teks sastera terpilih. Norita Ariffin (2006) memperlihatkan bahawa penggarapan nilai murni dalam pantun menjelaskan tentang nilai estetika yang mengandungi unsur dan persoalan nilai budi yang mencerminkan masyarakat Melayu. Manakala Samsina Abd. Rahman (2009) pula dalam kajiannya memperlihatkan bahawa melalui bahasa puisi akan wujud kesedaran yang mendalam terhadap bahasa Melayu di samping menghayati genre puisi sebagai penyalur rasa dan harapan penyair. Seterusnya, kajian Syaidul Azam Kamarudin (2011) memperlihatkan bahawa ketulenan jati diri yang dimiliki oleh pengarang terpancar melalui puisi-puisinya berperanan sebagai peringatan dan penyampaian nasihat. Kajian-kajian ini menjelaskan bahawa aspek “Melayu” dalam sesebuah karya sastera dapat dibincangkan secara meluas merangkumi pelbagai perkara.

Novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK merupakan novel yang menerima anugerah S.E.A. Write Award (Malaysia) pada tahun 2013 di Bangkok. Berdasarkan rangsang sari di bahagian belakang novel *Luka Nering*, novel ini adalah sebuah novel yang merujuk, berpaksi dan berasakan sejarah. Novel ini mengisahkan tentang watak TC atau Raja Chik iaitu seorang anak raja daripada Kerabat Diraja Perak yang berjiwa nasionalis. Walaupun mendapat pendidikan di luar negara, namun perkara tersebut tidak menjauhkan dirinya daripada peradaban dan sejarah bangsa sendiri. Sebaliknya, ilmu yang diperolehi semasa menuntut di luar negara itu mendekatkan jiwa beliau dengan warisan dan bangsanya. Hal ini kerana sepanjang pengajiannya, watak TC diceritakan gigih berusaha menyelongkar sejarah tentang negaranya sendiri. Perkara ini menyebabkan watak TC diceritakan mula mengetahui bagaimana penjajah memanipulasi bangsanya sehingga beliau tidak berpuas hati dengan Perjanjian Pangkor (1874) dan penulisan sejarah bangsanya yang telah diputarbelitkan. Watak TC diceritakan mempertikaikan mengapa sejarah negaranya mesti ditulis oleh orientalis Inggeris yang meletakkan pejuang bangsa Melayu sebagai pihak pemberontak, sementara penjajah Inggeris digambarkan sebagai pihak yang menjadi pendorong perubahan dan pembangunan Tanah Melayu. Setelah watak TC menamatkan pengajiannya di luar negara, watak TC diceritakan pulang dan berkhidmat sebagai penjawat awam di tanah kelahirannya. Namun semasa berkhidmat sebagai penjawat awam (sebagai Penolong Pegawai Daerah) watak TC diceritakan sering bertelagah pendapat dengan pegawai daerah berbangsa Inggeris iaitu watak Osborne. Hal ini kerana watak TC diceritakan sering tegas dalam mempertahankan hak untuk mendaulatkan bangsa dan tanah air kerana beliau adalah seorang anak raja yang berjiwa rakyat. Walaupun watak TC dibesarkan di istana, namun kehidupannya lebih dekat dengan golongan marhaen dan rakyat biasa dalam mempertahankan kedaulatan Melayu daripada ancaman pihak Inggeris. Hal ini digambarkan dalam peristiwa mempertahankan kawasan tanah yang telah diluluskan untuk projek pembinaan masjid di Kampung Seberang, watak TC diceritakan dengan tegas menentang cadangan watak Osborn yang mahu membina projek tapak potong di kawasan tersebut. Namun keadaan menjadi lebih sukar apabila watak TC diceritakan terbabit dengan isu yang lebih besar, iaitu dituduh membunuh watak Osborne kerana berlaku pergelutan antara mereka (menyebabkan watak Osborne tertembak dirinya sendiri). Akibat daripada peristiwa itu watak TC diceritakan terpaksa dimasukkan ke hospital sakit jiwa kerana untuk menjaga kedudukan istana yang merupakan institusi pentadbiran yang tertinggi dalam Kesultanan Melayu Perak. Oleh itu, watak TC diceritakan terpaksa melepaskan sistem penggilirannya untuk menaiki takhta kepada sepupunya (watak Ku Robot) kerana watak TC disahkan mengalami sakit jiwa. Selain itu, novel ini juga mengisahkan kehidupan watak TC semasa berada di hospital sakit jiwa yang diwarnai dengan pelbagai perkara. Semasa tinggal di hospital sakit jiwa juga watak TC diceritakan mempelajari pelbagai perkara dengan rakan-rakannya yang baru seperti Haji Pohon Nering, Dr. Uzai, Sister

Yuria, Gina, Arbakyah dan Abang Topi, yang telah menyuntik makna sebenar kehidupan buat dirinya. Oleh demikian, bagi memenuhi tuntutan ini, kajian akan membincangkan tentang institusi sosial Melayu yang terdapat dalam novel *Luka Nering* berdasarkan kepelbagaian sosial yang terdapat dalam novel tersebut.

SKOP PERBINCANGAN

Seperti yang telah dijelaskan lebih awal, kajian ini akan membincangkan aspek “institusi sosial” dan “Melayu” dalam novel *Luka Nering*. Dalam hal ini, “institusi sosial” menurut Abdul Halim Hamid (2003: 7) ialah cara atau prosedur melakukan sesuatu yang diakui oleh masyarakat. Selain itu, “institusi sosial” juga berfungsi sebagai pengatur, penyusun, pembimbing tingkah laku ahli masyarakat, bagi membolehkan mereka memenuhi keperluan hidup dan memastikan kerukunan masyarakat. Rohana Yusof (1996: 151) pula menyatakan bahawa “institusi sosial” adalah merujuk kepada pola-pola tingkah laku yang telah menjadi kebiasaan dan pola-pola tingkah laku ini merupakan pola hubungan sosial yang mempunyai suatu matlamat sosial yang tertentu. Tambahan lagi, konsep institusi ini melambangkan sesuatu yang telah terasas dalam masyarakat. Dengan ini, “institusi sosial” merupakan suatu sistem yang menunjukkan peranan sosial dan norma sosial saling berkait serta telah disusun untuk memuaskan sesuatu kehendak atau fungsi sosial. Oleh demikian, dapat dikatakan bahawa “institusi sosial” adalah sebagai satu cara yang standard diwujudkan khususnya untuk mengatasi berbagai-bagai masalah masyarakat.

Seterusnya, “Melayu” menurut *Kamus Dewan* (2016: 1014) ialah nama suatu bangsa dan bahasa terutama di Semenanjung Malaysia. Selain itu, “Melayu” juga mewakili cara hidup dan agama yang diamalkan oleh seseorang individu. Syed Husin Ali (1979: 3) menyatakan bahawa “Melayu” dari segi sosial dan budaya adalah luas sifatnya, meliputi penduduk yang mendiami Semenanjung Melayu dan gugusan-gugusan pulau Melayu dan Nusantara. Oleh yang demikian, kelompok-kelompok bangsa Melayu adalah bangsa yang amat besar di dunia. Menurut Syed Husin Ali lagi, disebabkan dasar penjajahan yang suka memecah-belahkan orang Melayu bagi memudahkan pentadbiran jajahan mereka, maka sempadan negeri-negeri Melayu dibataskan kepada negara Malaysia sahaja, sedangkan penduduk Indonesia dan Filipina disebut sebagai bangsa Indonesia dan Filipina. Asmah Haji Omar (2005: 5) pula menjelaskan bahawa istilah “Melayu” diguna pakai apabila berlakunya perkembangan umum perdagangan yang menyebabkan pelbagai bangsa termasuk dari China, India, Eropah dan Arab berkumpul di Nusantara. Pedagang-pedagang tersebut saling memerlukan satu identiti agar dapat dibezakan daripada bangsa-bangsa tersebut semasa berada pada peringkat antarabangsa. Oleh itu, menurut Asmah Haji Omar lagi, pedagang-pedagang tersebut memilih untuk memiliki identiti diri sebagai Melayu atas dua sebab iaitu yang pertama adalah mereka beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan adat kebudayaan Nusantara. Sebab yang kedua ialah nama Melayu sudah mempunyai kedudukan yang berprestij kerana mempunyai empayar yang terkenal iaitu Kesultanan Melayu Melaka. Ismail Hamid (1991: 5) menyatakan bahawa “Melayu” mengikut Perlembagaan Malaysia membuka pintu kepada sesiapa sahaja untuk menjadi “Melayu” dengan syarat seseorang itu memeluk agama Islam, pandai berbahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat (iaitu, amalan dan budaya) orang “Melayu”. Seseorang Cina, India dan bangsa-bangsa lain boleh menjadi “Melayu” dan seterusnya menikmati hak-hak istimewa orang “Melayu” jika melaksanakan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia. Oleh demikian, dapat dirumuskan bahawa “Melayu” adalah berkaitan dengan bangsa dan bahasa yang digunakan dalam kehidupan. Selain itu, takrifan “Melayu” juga dikaitkan dengan agama yang dianuti iaitu agama Islam dan meliputi kawasan yang luas di dunia kerana bukan hanya meliputi kawasan Tanah Melayu sahaja.

Seterusnya, skop perbincangan akan membincangkan institusi sosial Melayu yang terdapat dalam novel *Luka Nering*. Pengamatan mendapati bahawa institusi sosial yang sering ditemukan dalam dunia Melayu yang terdapat dalam novel *Luka Nering* ialah keluarga dan masyarakat setempat. Oleh yang demikian, kajian dilakukan untuk membincangkan hubungan antara unsur-

unsur dunia Melayu dengan dinamika institusi sosial Melayu dalam novel *Luka Nering* dengan berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini akan membincangkan aspek institusi sosial Melayu dalam novel *Luka Nering*. Kajian ini memanfaatkan analisis kandungan yang memberi tumpuan terhadap aspek “institusi sosial” dan “Melayu”. Seperti yang telah dijelaskan institusi sosial yang akan dianalisis terbahagi kepada dua tahap iaitu keluarga dan masyarakat setempat. Analisis aspek institusi sosial Melayu ini akan dihuraikan dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Sesuai dengan tujuan untuk meneliti aspek “institusi sosial” dan “Melayu” dalam novel yang dikaji, kajian akan memanfaatkan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai asas perbincangan. Teori ini digagaskan oleh Hashim Awang bertitik tolak daripada kenyataan bahawa karya-karya sastera dipengaruhi oleh alam dan agama Islam.

Menurut Hashim Awang (2013: 239), Teori Pengkaedahan Melayu digagaskan berdasarkan cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat setempat, masyarakat Melayu yang melahirkan karya sasteranya sendiri berasaskan faktor alam dan agama Islam. Oleh itu, beliau telah menghasilkan Teori Pengkaedahan Melayu ini yang terbahagi kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Setiap pengkaedahan tersebut kemudian dibahagikan pula kepada beberapa pendekatan masing-masing. Pengkaedahan Alamiah mengandungi tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Seterusnya, Pengkaedahan Keagamaan juga dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Menurut Hashim Awang (2002: 12) lagi, kedua-dua pengkaedahan ini adalah berpadu, saling berkaitan dan saling memperkukuhkan antara satu dengan yang lain.

Melalui Pengkaedahan Alamiah, Hashim Awang menjelaskan bahawa orang Melayu mengapresiasi alam dalam membentuk sikap, cara hidup dan pemikirannya. Dalam hal ini, Hashim Awang memanfaatkan kandungan kitab *Tajukmuluk* bagi menjelaskan perkaitan manusia dengan alam yang dihadirkan melalui perbincangan tentang enam perkara pokok, iaitu mengenai manusia, kesihatan (perubatan) manusia, sifat dan gerak laku manusia, mimpi dan firasat, cakerawala dan perumahan. Perkara-perkara pokok inilah yang seterusnya dianggap membantu garapan alam Melayu dalam karya sastera. Sehubungan dengan itu juga, Hashim Awang membahagikan lagi cabang perama iaitu Pengkaedahan Alamiah kepada tiga pendekatan. Pendekatan pertama ialah pendekatan gunaan yang menggagaskan karya sastera sebagai sebahagian daripada objek alam. Penghasilan sesebuah karya dianggap bersumberkan sebab, hikmah dan fungsi serta dengan itu seharusnya dapat dimanfaatkan oleh manusia. Pendekatan kedua ialah pendekatan moral yang membina tanggapan bahawa unsur alam berperanan sebagai pemberi petunjuk atau teladan kepada manusia dalam kehidupannya. Pendekatan terakhir dalam Pengkaedahan Alamiah iaitu pendekatan firasat yang menganggap bahawa karya sastera sebagai suatu kejadian alam yang memberikan manusia pengalaman hidup. Pengalaman ini dikaitkan dengan “mimpi” dan dicapai melalui proses takbir, atau tafsiran terhadap lambang-lambang yang wujud dalam kehidupan manusia.

Hashim Awang seterusnya menjelaskan bahawa Pengkaedahan Keagamaan yang menjadi cabang kedua turut terbahagi kepada tiga pendekatan. Pengkaedahan Keagamaan digagaskan dengan menjadikan keimanan dan akidah Islam yang berpandukan al-Quran dan hadis sebagai teras, dengan tujuan menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketakwaan

manusia terhadap-Nya. Pendekatan pertama ialah pendekatan dakwah yang menjadikan karya sastera sebagai suatu wadah untuk meningkatkan ketakwaan manusia kepada Allah. Dalam hal ini, karya sastera seharusnya mengandungi nilai-nilai yang dapat mendekatkan manusia kepada ajaran Islam dan disampaikan melalui peragaan watak-watak terpuji yang memancarkan sifat seseorang beragama Islam yang sebenar. Pendekatan kedua iaitu pendekatan kemasyarakatan menjadikan sastera sebagai alat untuk mendedahkan persoalan-persoalan kebaikan dan keadilan dalam kehidupan manusia. Akhir sekali, pendekatan ketiga dalam Pengkaedahan Keagamaan iaitu pendekatan seni pula menjadikan keindahan estetika sesebuah karya sastera sebagai tarikan untuk menyerlahkan nilai-nilai etika Islam, yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Kajian ini menganggap bahawa garapan sesebuah karya sastera Melayu lazimnya tidak terlepas daripada menyerlahkan ciri-ciri kehidupan masyarakat Melayu dan Islam. Hal ini menunjukkan bahawa, Teori Pengkaedahan Melayu menghadirkan beberapa prinsip yang dianggap membantu kajian. Pertama, karya sastera Melayu menghadirkan institusi sosial Melayu yang dipengaruhi oleh adat dan budaya Melayu serta agama Islam. Kedua, karya sastera Melayu menyerlahkan kepatuhan masyarakat Melayu terhadap adat dan budaya Melayu serta agama Islam. Prinsip-prinsip ini dianggap berupaya membantu perbincangan institusi sosial Melayu yang terdapat dalam novel *Luka Nering* yang menjadi fokus kajian ini.

OBJEKTIF

Kajian ini menggariskan tiga objektif seperti yang berikut:

1. Mengklasifikasikan institusi sosial Melayu dalam novel *Luka Nering*.
2. Menganalisis institusi sosial Melayu dalam novel *Luka Nering*.
3. Mensintesis hubungan antara unsur-unsur dunia Melayu dengan dinamika institusi sosial dalam novel *Luka Nering*.

PERBINCANGAN

Seperti yang telah dijelaskan, kajian ini telah mengklasifikasi dua institusi sosial yang lazim ditemukan dalam dunia Melayu yang terdapat dalam novel *Luka Nering* ialah keluarga dan masyarakat setempat. Seterusnya, bagi menganalisis hubungan antara unsur-unsur dunia Melayu dengan dinamika institusi sosial yang terdapat dalam novel *Luka Nering*, maka perbincangan akan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Sehubungan dengan tujuan mencapai ketiga-tiga objektif yang digariskan, kajian mendapati bahawa institusi sosial yang lazim ditemukan dalam dunia Melayu dibahagikan seperti berikut:

INSTITUSI KELUARGA

Perbincangan terhadap institusi sosial Melayu dalam novel *Luka Nering* dimulakan dengan meneliti institusi keluarga dari kalangan golongan istana. Dalam hal ini, pengamatan mendapati bahawa novel menceritakan tentang watak TC atau Raja Chik yang merupakan seorang anak raja daripada Kerabat Diraja Perak. Golongan istana sangat mementingkan salasilah untuk meneruskan pewarisan darah keturunan dalam kalangan golongan istana. Hal ini adalah disebabkan supaya mereka akan mempunyai waris untuk meneruskan pewarisan takhta kesultanan mereka. Oleh itu, berdasarkan novel *Luka Nering*, watak TC diceritakan tinggal di istana setelah kematian ayahandanya kerana watak TC adalah waris yang akan menaiki takhta. Disebabkan watak TC tinggal di istana bersama-sama Tuanku dan Bonda Zah, mereka juga diceritakan telah menganggap watak TC adalah seperti anakandanya sendiri. Watak Tuanku dan watak Bonda Zah diceritakan adalah merupakan sultan dan permaisuri Perak pada masa itu.

Watak Tuanku dan Bonda Zah diceritakan hanya mempunyai dua orang anak sahaja iaitu Ku Robat dan Ku Intan. Oleh itu, disebabkan watak Tuanku dan watak Bonda Zah sudah menganggap watak TC seperti anaknya sendiri, mereka sangat mengambil berat tentang kesejahteraan dan masa depan TC seperti dalam petikan berikut:

Memanglah, setelah ayahanda menyahut panggilan Ilahi, TC tinggal di istana, dan tuanku serta Bonda Zah menganggapnya sebagai anak mereka sendiri. Lagipun, mereka hanya ada dua orang anak – Ku Robat dan Ku Intan. Mereka merasakan mereka ada hak untuk menentukan kesejahteraan dan masa depan TC. (Malim Ghazali PK, 2014: 159-160)

Berdasarkan petikan ini, novel menjelaskan bahawa demi menjaga salasilah keturunan golongan istana, watak Bonda Zah diceritakan mengingatkan watak TC supaya berkahwin dengan pasangan yang mempunyai asal usul keturunan yang sama dengannya (iaitu golongan istana). Watak Bonda Zah diceritakan tidak bersetuju dengan pendirian watak Tuanku yang membenarkan watak TC memilih pasangan berdasarkan perasaan cinta dan tidak mementingkan salasilah keturunan sama ada daripada golongan istana atau tidak. Hal ini adalah disebabkan watak TC diceritakan mempunyai teman rapat dengan seorang wanita Inggeris iaitu Salma semasa beliau melanjutkan pelajaran ke luar negara. Namun, pada ketika itu watak TC diceritakan tidak mempunyai perancangan ke arah perkahwinan dengan wanita tersebut. Hal ini kerana, watak Salma diceritakan merupakan seorang wanita yang berasal daripada keluarga yang berpegang kuat pada ajaran Katolik. Oleh itu, watak TC merasakan jika hubungan mereka diteruskan ke arah perkahwinan terdapat pelbagai kerumitan yang perlu dihadapinya nanti.

Tambahan lagi, institusi keluarga yang melibatkan golongan istana juga mempunyai hubungan yang rapat dalam hubungan kekeluargaan. Perkara ini dapat dilihat dalam hubungan yang rapat antara watak TC, watak Ku Robat dan watak Ku Intan (iaitu sepupu kepada watak TC). Hubungan antara mereka yang rapat diceritakan adalah disebabkan watak TC tinggal di istana bersama-sama dengan watak Ku Robat dan watak Ku Intan setelah kematian ayahnya. Layanan baik yang diberikan oleh watak Tuanku dan watak Bonda Zah menyebabkan watak TC tidak berada terasing dalam istana tersebut. Pergaulan yang rapat antara mereka bertiga dapat dibuktikan berdasarkan petikan berikut:

Dan, dia ada banyak kenangan ketika bermain sorok-sorok dengan sepupu-sepupunya. Dia selalu memilih bersembunyi di sebalik tiang-tiang konkrit bulat disekeliling kediaman tuanku. Tiang-tiang itu cukup besar dan menjadi pengenalan yang dominan untuk kediaman berumur hampir seratus tahun itu. Pernah mereka bertiga berpegangan tangan sambung-menyambung di sekeliling sebatang tiang, namun masih gagal memeluknya.

(Malim Ghazali PK, 2014: 124)

Berdasarkan petikan tersebut, perkara ini jelas menunjukkan bahawa watak TC, watak Ku Robat dan watak Ku Intan mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat semasa kecil. Mereka bertiga diceritakan sering bermain bersama-sama semasa kecil di istana. Pelbagai jenis permainan yang dimainkan oleh mereka bertiga pada ketika itu. Antara permainan yang dimainkan oleh mereka bertiga adalah bermain tembak-tembak di kawasan koridor istana dan kawasan lapang berhampiran dengan dapur. Permainan yang dimainkan pada ketika itu diceritakan hanya menggunakan pistol tangan sahaja sebagai alat permainan (ibu jari dijongketkan, telunjuk dan jari hantu menjadi laras pistol, sementara jari manis dan kelengkeng dilipatkan ke tapak tangan). Oleh itu, mereka boleh menggunakan dua pistol, seperti John Wayne menembak penjenayah dalam filem-filem kobinya. Namun begitu, dalam permainan tersebut kebiasaannya watak TC dan watak Ku Robat akan mengambil peranan sebagai hero, tetapi watak Ku Robat diceritakan sering mengelat dan tidak mahu dikira mati apabila sudah ditembak. Oleh itu, watak Ku Intan sering menjadi mangsa dalam permainan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa mereka bertiga mempunyai hubungan yang rapat dalam hubungan kekeluargaan sejak dari kecil lagi.

Selain itu, kajian mendapati bahawa institusi keluarga dalam golongan istana yang terdapat dalam novel *Luka Nering* turut menceritakan tentang sistem pewarisan takhta dalam Kesultanan Melayu Perak. Dalam sistem pewarisan takhta Kesultanan Melayu Perak, giliran untuk menjadi sultan bukan berdasarkan kedudukan sebagai anak sulung sultan yang memerintah pada ketika itu. Hal ini kerana, pewaris sebenar takhta kerajaan adalah berdasarkan dari kalangan Raja-raja bergelar yang memegang kedudukan sebagai Raja Muda. Oleh itu, berdasarkan novel ini, watak TC diceritakan adalah merupakan pewaris takhta yang keempat dan watak Ku Robot adalah berada di giliran kelima dalam sistem giliran pewarisan takhta tersebut. Namun, dengan kemangkatan Raja Dihilir sebagai pewaris ketiga, menyebabkan sistem pewarisan takhta tersebut mengalami masalah kerana watak TC ketika itu telah disahkan mengalami sakit jiwa berdasarkan laporan kesihatan yang dikeluarkan oleh Hospital Sakit Jiwa Tanjung Rambutan. Oleh demikian, sistem pelantikan Raja Dihilir pada ketika itu mengalami masalah seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

Ketika tuanku menyebut tentang kemangkatan RDH, TC sudah tahu apa kaitan dengan dirinya. Benar, sistem giliran nampaknya tersekat. Hendak dinnaikkan dirinya, dia sudah disahkan mengalami sakit jiwa. Tidak cukup dengan itu, dia juga disyaki membunuh. Kedua-dua musibah itu sedikit pun tidak membantunya. Giliran Ku Robot pula berada dibelakangnya. Apakah tuanku akan mengetepikannya dan menaikkan Ku Robot? Ini bererti Ku Robot akan melangkau giliran. (Malim Ghazali PK, 2014: 159-160)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa sistem pewarisan takhta kesultanan Perak mengalami masalah pewarisan takhta. Hal ini adalah kerana disebabkan kematian Raja Dihilir yang berada pada tangga ketika sebagai pewaris takhta pada ketika itu. Oleh itu, watak TC yang berada pada tahap keempat pada ketika itu sepatutnya mengisi kekosongan tempat tersebut. Namun, disebabkan watak TC telah disahkan mengalami sakit jiwa maka watak Ku Robot yang sepatutnya berada satu giliran dibelakang watak TC terpaksa melangkau giliran tersebut. Hal ini kerana, kekosongan kedudukan Raja Dihilir tersebut tidak boleh dibiarkan terlalu lama kerana jika berlaku kemangkatan terhadap Raja Muda atau sultan maka akan menjadikan kesulitan yang lebih besar dalam penentuan pewarisan takhta tersebut. Oleh itu, watak Ku Robot diceritakan dilantik sebagai Raja Dihilir melangkau kedudukan watak TC setelah sembilan bulan jawatan tersebut mengalami kekosongan disebabkan kesulitan yang berlaku dalam pewarisan takhta. Oleh demikian, dengan kedudukan watak Ku Robot memegang jawatan sebagai Raja Dihilir, tugasnya sebagai asakar terpaksa terhenti setakat itu sahaja. Perkara ini adalah disebabkan tugas sebagai Raja Dihilir adalah merupakan jawatan hakiki dan sepenuh masa.

Walaupun watak TC berasa gembira dengan berita pertabalan watak Ku Robot yang telah disiarkan di akhbar, namun hatinya tetap berasa sedikit kecewa dengan berita tersebut. Hal ini bukan disebabkan kedudukannya yang telah dilangkau tetapi disebabkan tindakan watak Tuanku, watak Ku Robot dan watak Bonda Zah yang langsung tidak menelefonnya untuk memaklumkan tentang upacara pertabalan tersebut. Kekecewaan watak TC dapat dinyatakan berdasarkan petikan berikut:

Ku Robot akan ditabalkan sebagai Raja Dihilir bagi mengisi kekosongan yang telah berlarutan selama lebih sembilan bulan. Dia sekali-kali tidak berasa iri hati terhadap Ku Robot. Apatah lagi Ku Robot sepupu yang pernah tidur sebantal dengannya. Takdir telah menentukan begitu. Dan, enam bulan sebelum itu dia sudah pun menyatakan hal yang sama kepada tuanku di Rumah Rehat Ipoh. (Malim Ghazali PK, 2014: 41)

Berdasarkan petikan tersebut, watak TC diceritakan berasa kecewa kerana berita tentang pertabalan Ku Robot sebagai Raja Dihilir hanya diketahuinya daripada berita yang disiarkan oleh surat khabar. Walaupun watak TC sedar bahawa dia sudah kehilangan kelayakan untuk mewarisi takhta disebabkan statusnya sebagai pesakit jiwa, namun dia tidak sepatutnya dipinggirkan untuk mengetahui perkembangan tentang keadaan di istana. Menurut watak TC, isu giliran

mewarisi takhta dilangkau tidak sedikit pun mengecilkan hatinya tetapi sikap berdiam diri watak Tuanku, watak Ku Robot dan watak Bonda Zah yang langsung tidak menelefonnya berkenaan dengan pertabalan watak Ku Robot sebagai Raja Dihilir telah membuatkan hatinya berasa kecewa.

Tambahan lagi, kajian mendapati bahawa institusi keluarga dari keturunan rakyat biasa yang dipandang tinggi juga ditemui dalam novel *Luka Nering*. Berdasarkan novel ini, keluarga watak Syed Shahdan adalah keluarga rakyat biasa yang dipandang tinggi kerana berketurunan Arab. Dalam konteks dunia Melayu, keturunan watak Syed Shahdan dipandang tinggi dan setiap ahli keluarga lelaki dan perempuan akan menggunakan gelaran Syed dan Sharifah di pangkal nama masing-masing. Selain berasal dari keturunan Arab, watak Syed Shahdan juga sangat mementingkan ilmu agama dalam kehidupan. Watak Syed Shahdan yang mementingkan ilmu agama dalam kehidupan ditunjukkan dalam petikan berikut:

Syed Shahdan menghadiahkan sebuah kitab fiqh lama berjudul *Dalam Beberapa Pengajaran, Ingatan dan Nasihat-nasihat serta Bicara Tauhid, Fiqah dan Tasawuf* kepadanya. Menurut Syed Shahdan, itulah satu-satunya kitab agama yang dikarang oleh raja yang pernah bertakhta di Tanah Melayu, Sultan Alang Iskandar. (Malim Ghazali PK, 2014: 41)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa Syed Shahdan merupakan seorang yang mementingkan ilmu agama dalam kehidupan. Watak Syed Shahdan diceritakan adalah seorang guru agama yang gigih untuk menyebarkan ilmu agama tanpa penat dan jemu. Hal ini kerana, selain mengajar agama di rumahnya, watak Syed Shadan juga diceritakan pergi ke kawasan-kawasan lain untuk mengajar agama di sana. Watak Syed Shahdan diceritakan sanggup pergi ke kawasan yang jauh untuk menyampaikan ilmu agama jika mendapat undangan dari kawasan tersebut. Oleh demikian, perkara ini jelas menunjukkan bahawa ilmu agama adalah perlu diamalkan dalam kehidupan, supaya dapat diseimbangkan dengan ilmu dunia agar manusia tidak lalai dalam kehidupan.

Selain daripada mementingkan ilmu agama dalam kehidupan, watak Syed Shahdan juga diceritakan dipandang tinggi disebabkan gelaran nama pada pangkal namanya. Watak Syed Shahdan diceritakan mempunyai seorang anak gadis yang bernama Sharifah Atikah. Watak Sharifah Atikah yang diceritakan sebagai seorang gadis yang berperwatakan sopan dan mempunyai budi bahasa yang tinggi telah menyebabkan watak TC tertarik hati dengannya. Walaupun watak Sharifah Atikah bukan berasal dari keturunan istana namun, gelaran yang dimiliki pada pangkal namanya itu telah menjadikan dia mempunyai taraf yang tinggi dalam kalangan rakyat biasa. Oleh itu, perkara ini menurut watak TC menunjukkan bahawa jika beliau meneruskan hubungannya dengan watak Sharifah Atikah maka hubungannya adalah sekufu. Hal ini kerana mereka berdua berasal daripada keturunan yang mempunyai taraf yang dipandang tinggi dalam masyarakat. Perwatakan Sharifah Atikah yang baik itu dapat dilihat berdasarkan berikut:

Ketika mata mereka bertembung, TC sedar, sepasang mata redup milik Sharifah Atikah sudah menewaskannya. Pada wajah gadis yang santun itu, dia melihat ada semacam sumur buat pengembara berhenti untuk menghilangkan dahagadan kepenatan. Dan, dialah pengembara yang dahaga dan kepenatan itu. (Malim Ghazali PK, 2014: 196)

Berdasarkan petikan di atas jelas menunjukkan bahawa, keperibadian watak Sharifah Atikah yang baik telah memikat hati watak TC pada pertama kali mereka bertentang mata. Watak TC diceritakan bertentang mata dengan watak Sharifah Atikah pada pertama kali adalah semasa beliau menghadiri majlis khatam al-Quran di masjid lama berhampiran Kampung Seberang. Watak TC diceritakan terpicik dengan perwatakan Sharifah Atikah yang cantik dan mempunyai ilmu agama pada pertama kali melihatnya. Oleh itu, setelah tamat majlis tersebut watak TC diceritakan dengan pantas bertemu dengan watak Penghulu Hakim untuk mengetahui maklumat

lebih jelas berkenaan dengan Sharifah Atikah. Setelah diberitahu oleh watak Penghulu Hakim bahawa watak Sharifah Atikah anak kepada watak Syed Shahdan, perkara ini menyebabkan watak TC berasa terkejut kerana tidak pernah menemuinya semasa beliau berkunjung ke kedai makan di Kampung Seberang. Hal ini menunjukkan bahawa watak Shariah Atikah adalah merupakan gadis yang mempunyai peribadi yang tinggi dan tidak berkeliaran di luar tanpa tujuan yang jelas.

INSTITUSI MASYARAKAT

Perbincangan tentang institusi sosial Melayu dalam novel *Luka Nering* kemudian diteruskan lagi dengan mengamati struktur institusi masyarakat Melayu dalam novel tersebut. Dalam hal ini, institusi masyarakat yang ditemui dalam novel *Luka Nering* adalah masyarakat Melayu yang mempunyai hubungan rapat dengan alam. Antara masyarakat Melayu yang sering bersama dengan watak TC menikmati keindahan alam ialah watak Penghulu Hakim. Watak Penghulu Hakim diceritakan sering bersama-sama dengan watak TC menikmati keindahan alam dengan aktiviti seperti berburu dan menjala. Perkara ini dapat ditunjukkan berdasarkan petikan berikut:

“Kita kena berhati-hati kalua di dalam hutan, lebih-lebih lagi pada waktu malam, kerana ‘tok megat’ sukar dilihat dalam gelap,” pesan Penghulu Hakim suatu ketika dahulu. “Kita tak dapat menyalahkan gajah merosakkan kebun penduduk kampung. Ini kampung halaman mereka. Kita yang menceroboh.”

“Kalau tengah meta, lagi bahaya.” Penghulu Hakim menyambung ceritanya tentang ‘tok megat’.
(Malim Ghazali PK, 2014: 196)

Berdasarkan petikan tersebut, hal ini jelas menunjukkan bahawa watak TC dan watak Penghulu Hakim mempunyai hubungan yang akrab. Hal ini kerana, watak TC dan watak Penghulu Hakim diceritakan mempunyai hubungan yang dekat dengan alam semulajadi. Mereka diceritakan sering pergi berburu dan menjala untuk menikmati keindahan alam semulajadi. Walaupun ada masa tertentu ketika pergi menjala mereka diceritakan terpaksa pulang dengan tangan kosong, perkara itu tidak melemahkan semangat mereka untuk melakukannya pada masa akan datang. Selain pergi menikmati keindahan alam semula jadi bersama watak Penghulu Hakim, watak TC juga diceritakan pergi mengikut watak Syed Shahdan ke dusun duriannya di kaki bukit. Perkara ini dijelaskan berdasarkan petikan berikut:

Pada masa yang lain, jika ada kelapangan, TC akan mengikut Syed Shahdan ke dusun duriannya di kaki bukit. TC akan menakutkan kawanan monyet yang selalu menggugurkan bunga durian dengan menembak ke udara. Monyet-monyet akan bertempiaran lari apabila terdengar letupan pistolnya. Syed Shahdan juga tidak pernah membunuh atau menangkap monyet-monyet itu. TC mengumpulkan kelongsong-kelongsong peluru dan menukarkannya dengan stok peluru baru yang dibeli di kedai menjual senjata api dan peluru di Bandar Kuala. (Malim Ghazali PK, 2014: 196)

Berdasarkan petikan tersebut, perkara ini jelas menunjukkan bahawa watak TC adalah seorang yang sangat dekat dengan masyarakat Melayu yang suka kepada alam semula jadi. Perkara ini ditunjukkan dalam watak Syed Shahdan bahawa dia tidak melakukan kekejaman terhadap haiwan. Perkara ini dapat dilihat apabila watak Syed Shahdan tidak membunuh atau menangkap monyet-monyet yang telah menggugurkan bunga durian dikebunnya. Selain itu, watak TC juga tidak berlaku kejam terhadap monyet-monyet di kawasan kebun Syed Shahdan tersebut. Watak TC diceritakan hanya melepaskan tembakan dari pistolnya ke udara sebagai tujuan untuk menakut-nakutkan monyet tersebut.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa watak TC diceritakan merupakan seorang yang tidak membezakan darjat kedudukannya sebagai anak raja semasa menuntut ilmu. Hal ini kerana, watak TC diceritakan sering menghabiskan masa bersama rakan-rakannya di asrama berbanding di istana. Watak TC diceritakan hanya akan pulang ke istana pada hujung minggu sahaja kerana beliau lebih suka tinggal di asrama bersama rakan-rakannya yang lain. Perbezaan darjat keturunan itu tidak menjadi penghalang untuk watak TC bergaul dengan rakan-rakannya di sekolah. Semasa tinggal di asrama watak TC diceritakan mempunyai hubungan yang rapat dengan rakan-rakannya yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Keakraban pergaulan antara watak TC dan rakan-rakannya dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

Apabila pulang semula ke asrama, TC akan menceritakan pengalamannya kepada kawan-kawan yang rata-rata berasal dari kampung-kampung di seluruh negara. Semua mereka terlopong mendengar cerita TC. Ada juga beberapa orang kawannya yang sudah pernah ke luar negara seperti England, Perancis dan Belanda. Mereka ini anak-anak raja dan pembesar-pembesar serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan. (Malim Ghazali PK, 2014: 113)

Berdasarkan petikan, jelas menunjukkan bahawa dengan ilmu setiap manusia dapat bersatu tanpa mengira perbezaan lapisan masyarakat. Hal ini diceritakan berdasarkan bergaulan watak TC dan rakan-rakannya di asrama adalah terdiri daripada mereka yang berasal daripada golongan rakyat biasa dan juga golongan kelas atasan. Berdasarkan perbezaan taraf hidup, mereka dapat bertukar-tukar pengalaman hidup yang dilalui apabila mereka berkumpul di asrama. Watak TC diceritakan akan berkongsi pengalaman yang dilaluinya kepada rakan-rakannya setelah pulang ke asrama. Watak TC menceritakan pengalaman yang dilaluinya semasa mengikuti Tuanku dan Ku Robat ke Singapura untuk melihat pertandingan lumba kuda. Watak TC menceritakan tentang bagaimana proses perlumbaan kuda itu berlangsung kepada rakan-rakannya. Selain itu, watak TC juga menceritakan aktiviti yang dilakukan sepanjang berada di Singapura dengan suasana bandarnya yang berbeza dengan Bandar Kuala. Perkara ini menyebabkan rakan-rakannya berasa teruja untuk mendengar pengalaman yang diceritakan oleh watak TC semasa berada di Singapura.

Selain itu, berdasarkan kajian ini, ilmu juga dapat merapatkan jurang dalam perbezaan lapisan masyarakat berdasarkan novel *Luka Nering*. Perkara ini dapat dilihat dalam watak TC yang tidak menjadikan kedudukannya sebagai pewaris takhta berada dikedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Hal ini kerana, berdasarkan novel ini watak TC digambarkan seorang yang akan duduk bersama-sama dengan rakyat biasa untuk menuntut ilmu. Berdasarkan novel *Luka Nering*, watak TC diceritakan akan turut serta bersama pelajar-pelajar yang lain untuk bermain rebana di rumah Syed Shahdan. Ilmu bermain rebana adalah ilmu muzik yang sering dimainkan dengan lagu-lagu budaya dan kebiasaannya permainan ini adalah popular dalam kalangan penduduk yang tinggal di kawasan berhampiran sungai. Oleh itu, ilmu bermain rebana ini amat popular dalam kalangan masyarakat Kampung Seberang yang tinggal di kawasan yang berhampiran dengan kawasan sungai. Kesungguhan watak TC untuk belajar bermain rebana ditunjukkan dalam petikan berikut:

Di rumah Syed Shahdanlah dia belajar menyadak untuk menegangkan kulit rebana. Di situlah juga dia belajar meningkah. Di situlah juga sesekali dia mencuri jelling Sharifah Atikah yang menghantar minuman atau ketika dia mengintai-intai dari arah selang. (Malim Ghazali PK, 2014: 196)

Berdasarkan petikan ini, jelas menunjukkan bahawa watak TC tidak menjadikan kedudukannya sebagai anak kerabat raja penghalang untuknya bergaul dengan rakyat biasa. Watak TC juga diceritakan sangat disenangi oleh budak-budak yang bermain rebana di rumah Syed Shahdan. Hal ini kerana, setelah selesai bermain rebana kebiasaannya watak TC diceritakan akan membawa mereka semua pergi makan-makan di sekitar Bandar Kuala. Selain itu, watak TC juga diceritakan akan menyediakan baju Melayu setiap seorang dan satu set rebana baru untuk budak-

budak yang belajar rebana di rumah Syed Shahdan itu. Pendekatan yang dilakukan oleh watak TC itu adalah disebabkan untuk merapatkan jurang antaranya dan budak-budak yang bermain rebana itu. Tambahan lagi, semangat untuk menghidupkan budaya Melayu dalam masyarakat juga menyebabkan watak TC bersedia berusaha untuk menarik minat budak-budak itu bermain rebana.

Selain itu, berdasarkan kajian ini, pengamatan dalam novel *Luka Nering* mendapati bahawa seseorang yang mempunyai banyak pengalaman dalam kehidupannya, dapat meramal sesuatu berdasarkan pengalaman yang pernah dilaluinya. Oleh itu, semasa berada di Hospital Sakit Jiwa Tanjung Rambutan, watak TC juga diceritakan mempunyai ramai rakan yang mengajarnya tentang ilmu yang baru dalam kehidupan. Antara rakan yang baru dikenalnya di rumah sakit itu ialah watak Haji Pohon Nering. Watak Haji Pohon Nering diceritakan adalah merupakan bekas pesakit dari hospital tersebut yang telah sembuh sepenuhnya. Tambahan lagi, watak Haji Pohon Nering diceritakan telah lama berada di hospital tersebut menyebabkan beliau disenangi oleh semua orang yang berada di hospital tersebut. Disebabkan telah lama berada di hospital tersebut, watak Haji Pohon Nering diceritakan mempunyai banyak pengalaman yang dilaluinya disitu. Pengalaman yang dilaluinya dijadikan guru dalam kehidupannya seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

“Teman sudah tahu TC anak raja sejak hari pertama lagi,” kata Haji Pohon Nering semasa mereka berbual di bawah naungan pohon nering. “Sekali tengok pun teman tahu TCC bukan sakit jiwa. Teman rasa ada sebab lain...”
“Mana tahu?”
“Guru teman... pengalaman.”

(Malim Ghazali PK, 2014: 134)

Berdasarkan petikan tersebut, hal ini menunjukkan bahawa watak Haji Pohon Nering menjadikan pengalaman yang dilaluinya untuk menilai sesuatu perkara. Watak Haji Pohon Nering diceritakan melayan watak TC dengan baik sebagai seorang rakan dan bukan sebagai pesakit jiwa. Hal ini kerana, watak Haji Pohon Nering yakin bahawa sebab watak TC dimasukkan ke hospital sakit jiwa itu adalah disebabkan faktor lain (iaitu disebabkan kejadian pembunuhan watak Osborne yang merupakan Pegawai Daerah di Bandar Kuala) dan bukannya kerana watak TC itu mengalami sakit jiwa. Oleh itu, setelah watak TC mendapat kebebasan untuk berjalan di sekitar pekan Tanjung Rambutan, watak Haji Pohon Nering memperkenalkan kawasan itu kepada watak TC. Selain itu, watak Haji Pohon Nering juga berkongsi ilmu alam yang dimilikinya berkaitan dengan pohon nering yang berada di tepi rumahnya. Menurut watak Haji Pohon Nering, pohon nering agam yang tumbuh di tepi kawasan rumahnya itu boleh dijadikan tempat berteduh sewaktu hujan kerana pohon tersebut mempunyai daun yang rimbun.

Selain watak Haji Pohon Nering, watak Abang Topi juga merupakan bekas pesakit yang pernah tinggal di Hospital Sakit Jiwa Tanjung Rambutan. Watak Abang Topi ini diceritakan terdiri daripada dua orang pesakit yang telah sembuh sepenuhnya. Mereka berdua telah dibenarkan meneruskan kehidupan mereka di luar sebagai manusia normal. Dengan berbekalkan ilmu muzik yang dimiliki, watak Abang Topi diceritakan telah kembali bermain muzik di sebuah kelab malam di Pulau Pinang. Walaupun sudah sembuh sepenuhnya, watak Abang Topi diceritakan tidak lupa segala ilmu yang diperoleh semasa tinggal di hospital tersebut. Oleh itu, watak Abang Topi diceritakan akan datang sekali dalam sebulan untuk menghiburkan penghuni di hospital tersebut. Perkara ini dijelaskan berdasarkan petikan berikut:

“Khabarnya, sekarang mereka berdua bermain muzik semula di sebuah kelab malam di Pulau Pinang. Sebulan sekali mereka datang ke rumah sakit menghiburkan teman-teman lama mereka dan juga pesakit-pesakit lain Superintenden pun ada beri mereka sagu hati,” terang Matron Angelina kepada TC bulan lalu apabila dia terdengar mereka bernyanyi pada kali pertama.
(Malim Ghazali PK, 2014: 231)

Berdasarkan petikan tersebut, perkara ini jelas menunjukkan bahawa setiap ilmu yang dimiliki jika dikongsi bersama akan memberi lebih kebahagiaan kepada banyak pihak. Hal ini jelas ditunjukkan oleh watak Abang Topi dengan ilmu yang dimiliki oleh mereka. Walaupun cuma mempunyai ilmu muzik, namun perkara itu dapat menghiburkan pesakit-pesakit yang berada di Hospital Sakit Jiwa Tanjung Rambutan itu. Selain itu, perkara ini juga menunjukkan bahawa watak Abang Topi merupakan seseorang yang tidak mudah lupa diri walaupun telah sembuh sepenuhnya. Walaupun telah sembuh sepenuhnya dan mempunyai kerjaya sebagai pemain muzik kembali, mereka tetap datang ke hospital itu untuk menghiburkan rakan-rakan mereka dan pesakit-pesakit yang lain.

Seterusnya, perbincangan dalam kajian ini beralih kepada adat dan budaya (amalan dan gaya hidup) dalam masyarakat Melayu. Berdasarkan novel *Luka Nering*, pengamatan mendapati bahawa terdapat adat dan budaya (amalan dan gaya hidup) dalam kalangan masyarakat Melayu yang melibatkan golongan istana dan rakyat biasa. Seperti yang diketahui umum, warna kuning adalah warna yang sering dikaitkan dengan golongan istana. Oleh itu, jika terdapat sebarang majlis yang melibatkan golongan istana, maka rakyat biasa adalah dilarang untuk memakai sebarang pakaian atau yang berkaitan dengan warna tersebut. Hal ini kerana warna kuning adalah merupakan sebagai lambang kedaulatan institusi istana dalam kalangan masyarakat. Namun, berdasarkan novel *Luka Nering*, watak TC diceritakan tidak mahu menjadikan warna kuning itu sebagai pemisah antaranya dengan masyarakat biasa. Hal ini menurutnya, warna kuning itu hanyalah warna yang tidak mempunyai perbezaan dalam dirinya. Keadaan yang menunjukkan bahawa watak TC tidak mahu menggunakan warna kuning sebagai lambang kedaulatan istana diceritakan dalam petikan berikut:

Pernah suatu ketika, tuanku memintanya merasmikan sebuah surau kerana beliau berada di luar negara. Raja Muda pula ada tugas lain di ibu kota. TC bersetuju, tetapi minta kerusi kuning ditukarkan dengan warna yang lain, asal jangan kuning. (Malim Ghozali PK, 2014: 134)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa watak TC diceritakan berkeras menolak untuk menggunakan kerusi berwarna kuning dalam majlis perasmian tersebut. Oleh itu, kerusi tersebut kemudian ditukarkan dengan kerusi berwarna tanah oleh jawatankuasa masjid tersebut. Walaupun begitu majlis yang diadakan pada hari itu berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah lain yang berlaku. Tujuan watak TC melakukan perkara seperti itu adalah untuk memberi kesedaran kepada semua pihak bahawa kedudukan kita sebagai manusia di bumi ini adalah mempunyai peranan yang sama untuk memajukan bangsa dan agama. Namun, perkara yang dilakukan oleh watak TC itu tidak difahami oleh masyarakat yang berada dalam majlis perasmian masjid tersebut. Akhirnya, peristiwa tentang penukaran kerusi itu telah sampai ke pengetahuan watak Tuanku apabila beliau kembali dari luar negara. Disebabkan perkara tersebut telah mencalarakan kedudukan warna kuning yang merupakan warna yang berdaulat dalam kesultanan, watak TC diceritakan telah menerima syarahan yang panjang daripada Tuanku. Walaupun mendapat syarahan yang panjang, tetapi watak TC tetap tegas dengan pegangannya bahawa warna kuning itu adalah sama seperti warna-warna yang lain dan tidak mempunyai sebarang keistimewaan padanya.

Seterusnya, berdasarkan novel *Luka Nering* pengamatan mendapati bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan adat dan budaya (amalan dan gaya hidup) yang berteraskan Islam. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan peristiwa apabila watak TC dengan tegas mempertahankan tapak tanah yang terletak berhampiran dengan sungai di Kampung Seberang. Watak TC diceritakan menentang dengan keras rancangan yang dinyatakan oleh watak Osborne (iaitu Pegawai Derah kawasan tersebut) untuk membangunkan kawasan itu menjadi kawasan pajak potong. Hal ini kerana, pembinaan kawasan pajak potong itu akan mengundang kepada berlakunya pencemaran di kawasan tersebut yang terletak begitu hampir dengan kawasan sungai. Penentang terhadap projek pembangunan itu dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

Osborne menyebut tentang projek pajak potong yang cuba diketengangkannya. Sejak mula lagi TC menentangnya dengan lantang kerana tapak yang dicadangkan terlalu dekat dengan perkampungan Melayu. Di situ nanti bukan hanya lembu dan kerbau yang akan dipotong bahkan babi. Tentulah ia akan menjadi isu besar dalam kalangan orang Islam. TC berasa bertanggungjawab untuk menentang projek itu. Lagipun, dia pewaris takhta yang suatu masa nanti akan menjadi pengawal bidang agama dan adat istiadat Melayu dinegerinya. (Malim Ghazali PK, 2014: 97-98)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa watak TC dengan tegas menentang projek untuk membina tapak pajak potong (iaitu tempat pemotongan haiwan seperti lembu, kerbau dan berkemungkinan babi juga akan dipotong di situ) di kawasan berhampiran sungai di Kampung Seberang itu. Hal ini kerana kawasan tersebut merupakan kawasan yang terletak berhampiran dengan kawasan perkampungan Melayu. Jika tapak pajak potong dibina di kawasan itu maka penduduk di kawasan itu akan terdedah dengan masalah pencemaran sungai yang disebabkan oleh pembuangan sisa-sisa haiwan dari kawasan pajak potong tersebut. Selain itu, watak TC juga diceritakan telah berjanji dengan penduduk Kampung Seberang untuk membina semula masjid yang telah dirobohkan di kawasan itu. Hal ini menyebabkan watak TC dengan tegas menentang cadangan pembinaan tapak pajak potong itu. Tambahan lagi, watak TC diceritakan dengan tegas menentang perancangan yang dikemukakan oleh watak Osborne itu kerana menganggap bahawa watak Osborne itu tidak menghormati adat dan budaya masyarakat Melayu yang tinggal di Kampung Seberang itu.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan-perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK ini menyerlahkan institusi sosial Melayu dalam bentuk keluarga dan masyarakat setempat, dalam kalangan masyarakat Melayu yang terdiri daripada golongan istana dan rakyat biasa. Berdasarkan novel *Luka Nering* ini jelas menunjukkan bahawa terdapat pembangunan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu. Dalam kalangan golongan istana, pembangunan sosial yang berlaku dalam diri mereka adalah berdasarkan ilmu yang diperoleh sama ada secara formal dan tidak formal. Berdasarkan ilmu yang dimiliki, perkara ini akan menjadikan beliau sebagai golongan pemimpin yang dihormati. Selain itu, berdasarkan ilmu juga perkara ini dapat merapatkan jurang antara golongan istana dan rakyat biasa. Tambahan lagi, dalam kalangan rakyat biasa, pembangunan sosial berlaku dalam diri seseorang itu juga disebabkan ilmu yang dimiliki. Ilmu yang dimiliki oleh seseorang itu akan menjadikannya dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu, kajian mendapati bahawa masyarakat Melayu yang membentuk institusi keluarga dan masyarakat setempat, masih berusaha untuk mengekalkan corak hidup bersandarkan budaya Melayu dan ajaran Islam. Namun begitu, dalam masa yang sama mereka tetap berusaha untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dalaman dan luaran oleh sesebuah institusi tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Halin Hamid. (2003). *Mengenal Institusi Sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Awang. (2002). Kertas Kerja daripada Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu: *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hashim Awang. (2013). Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air. dalam Hamzah Hamdani (penys.) *Citra dan Visi Sastera Melayu: Esei Sastera Pilihan Dewan Sasstera 1990-1999*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 211-246.
- Ishak Saat. (2006). *Sejarah Sosiobudaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications.

- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malim Ghazali PK. (2014). *Luka Nering*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norita Ariffin. (2006). *Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Rohana Yusof. (1996). *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad dan Johan Jaaffar (pngr.). (2006). *Sejarah Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsina Hj. Abd. Rahman. (2009). Prosiding daripada Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5: *Pemerkasaan Jati Diri Negara Bangsa Melalui Bahasa Puisi*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Siti Aisah Murad. (1996). *Abdullah Munshi dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaidul Azam Kamarudin. (2011). *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Pilihan A. Aziz Deraman*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Syed Husin Ali. (1979). *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Adabi Sdn. Bhd.
- Yahaya Ismail. (1976). *Sejarah Sastera Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.